

KENAPA LAMBAT?

KERJA-KERJA membina persimpangan bertingkat di persimpangan Jalan Tun Razak, Jalan Cheras, Jalan Pudu dan Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur sememangnya amat dinantikan penduduk sekitar kerana ia dijangka dapat mengurangkan kesesakan jalan raya di situ.

Bagaimanapun, daripada maklumat di papan tanda projek yang dipasang di situ, projek di bawah Jabatan Kerja Awam, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu sepatutnya hanya mengambil masa dua tahun iaitu pada Oktober 2009.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, projek itu juga telah menyusahkan pengguna jalan raya kerana perubahan laluan telah menyebabkan sistem laluan di situ menjadi 'lintang-pukang', iaitu jalan berkeadaan teruk.

■ PROJEK pembinaan bertingkat di persimpangan Jalan Tun Razak, Jalan Cheras, Jalan Pudu dan Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur yang telah terlewat kira-kira dua tahun menyebabkan kesesakan jalan berlaku.

- UTUSAN/ANAS AMIRUL

